

*Toolkit 8.2.1 (a)*

Sediakan infografik yang dapat menerangkan elemen dan perkara lain yang perlu diambil kira dalam melaksanakan pertimbangan profesional.

### SENARAI SEMAK

Senarai semak ini bertujuan untuk membantu kefahaman berhubung pertimbangan profesional.

Sila tandakan YA atau Tidak berdasarkan pernyataan berikut:

| Bil | Perkara                                                                                                                                            | YA | TIDAK |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|-------|
| 1.  | Pertimbangan Profesional merupakan perkara yang baharu di dalam sistem pendidikan.                                                                 |    |       |
| 2.  | Pertimbangan Profesional membolehkan guru mengetahui perkembangan pembelajaran murid.                                                              |    |       |
| 3.  | Murid akan ditaksir oleh guru berdasarkan kebolehan dan keupayaan mereka dalam pembelajaran menggunakan pertimbangan profesional.                  |    |       |
| 4.  | Perkara yang paling penting dalam menjayakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ialah Pertimbangan Profesional.                                        |    |       |
| 5.  | Pertimbangan profesional hanya dilakukan oleh guru untuk menentukan Tahap Penguasaan akhir murid.                                                  |    |       |
| 6.  | Guru menggunakan pengetahuan, pengalaman, input murid dan mengamalkan tanggung jawab profesional dalam membuat pertimbangan profesional.           |    |       |
| 7.  | Guru tidak perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang yang diajar, dalam meletakkan pertimbangan profesional.                              |    |       |
| 8.  | Semua hasil kerja murid mestilah dikumpulkan dalam membantu guru membuat pertimbangan profesional dan hasil kerja murid mestilah didokumentasikan. |    |       |
| 9.  | Guru bebas melaksanakan pertimbangan profesional kepada murid.                                                                                     |    |       |
| 10. | Pertimbangan profesional bukanlah sesuatu proses yang perlu dilaksanakan secara berterusan.                                                        |    |       |
| 11. | Pertimbangan profesional dilaksanakan sekali sahaja oleh guru sepanjang PdP dilaksanakan.                                                          |    |       |

|            |                                                                                                                                                                    |  |  |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|--|
| <b>12.</b> | Guru perlu memahami objektif kurikulum yang terdapat di dalam DSKP iaitu terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi menentukan Tahap Penguasaan murid. |  |  |
| <b>13.</b> | Guru mesti mendapatkan pengesahan pentadbir berhubung pertimbangan profesional yang telah dilaksanakan sebelum melaporkan di dalam templat yang disediakan.        |  |  |
| <b>14.</b> | Guru perlu ada catatan sendiri berhubung pertimbangan profesional yang telah dilaksanakan sebelum dilaporkan di dalam pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah.          |  |  |
| <b>15.</b> | Guru mesti melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah sebanyak 2 kali setahun di dalam templat pelaporan yang telah disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum.       |  |  |